

# Konvensyen ASEAN garis 14 perbuatan jenayah

Urn-14/1/2007

CEBU CITY, Filipina 13 Jan.- Konvensyen ASEAN Menangani Keganasan yang menggariskan 14 jenis perbuatan jenayah sebagai tindakan keganasan dimeterai oleh 10 negara anggota badan serantau itu pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di sini hari ini.

Perbuatan jenayah yang disentuh dalam 14 perjanjian peringkat serantau dan antarabangsa dimasukkan dalam Konvensyen ASEAN Menangani Keganasan.

Antaranya rampasan pesawat, ancaman ke atas keselamatan maritim dan tindakan-tindakan yang berkaitan dengan perbuatan pemilikan nuklear untuk tujuan serangan penganas.

Konvensyen itu dimeterai selepas perbincangan mendalam di kalangan para pemimpin ASEAN dengan Malaysia diwakili oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ah-

mad Badawi.

Ia memberi ikatan kerjasama yang lebih kukuh dan berkesan berbanding dokumen kerjasama dalam isu menangani penganas sebelum ini.

Jenis-jenis perbuatan jenayah yang disifatkan sebagai keganasan dalam konvensyen tersebut terdiri daripada 23 perkara pokok.

Antara perkara penting termasuklah kesaksamaan kedaulatan, integriti wilayah dan prinsip tidak campur tangan, aspek-aspek kerjasama, tahap bidang kuasa, layanan adil ke atas tahanan, status pelarian, program-program pemulihan, proses ekstradisi, pengecualian kesalahan-kesalahan politik, pelaksanaan struktur pemantauan atau penyelarasan dan penyelesaian pertikaian.

Penerimaan Konvensyen ASEAN Men-

angani Keganasan dilihat sebagai titik tolak baru dalam kerjasama negara-negara rantau ini dalam usaha menangani keganasan yang menjadi tumpuan sejak peristiwa serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat (AS).

Para pemimpin ASEAN menandatangani konvensyen itu bagi memastikan rantau ini lebih selamat dan meningkatkan langkah menentang ancaman keganasan yang menjejaskan beberapa negara anggota ASEAN sejak beberapa tahun lalu.

Sepanjang enam tahun lalu, ASEAN menjalin kerjasama dalam soal menangani keganasan, termasuk menerima Deklarasi ASEAN Mengenai Tindakan Bersama Menangani Keganasan dan Deklarasi Mengenai Keganasan yang diterima pada Sidang Kemuncak ASEAN 2001 dan 2002.

Konvensyen ASEAN Menangani Keganasan menyebut usaha terbaru itu menunjukkan pemimpin-pemimpin ASEAN mengulangi komitmen untuk mempertingkatkan kerjasama menangani penganas dalam apa jua bentuk.

"Konvensyen ini menyediakan rangka kerja untuk kerjasama serantau bagi menangani, mengelakkan dan mengatasi keganasan dalam apa jua bentuk dan manifestasi serta meningkatkan kerjasama menyeluruh dengan semua agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak-pihak yang relevan," kata konvensyen tersebut.

Malah, Konvensyen ASEAN Menangani Keganasan, yang akan berkuat kuasa dalam tempoh sebulan selepas didaftarkan di Sekretariat ASEAN, juga mengulangi bahawa

tindakan keganasan tidak harus dikaitkan dengan mana-mana agama, kewarganegaraan, tamadun dan kumpulan etnik.

Ia sebahagian daripada siri dokumen dan deklarasi yang dimeterai dan dikeluarkan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 yang bermula hari ini.

Turut diterima ialah Pelan Cebu Ke Arah Komuniti Prihatin dan Muafakat Bersama, Deklarasi ASEAN Mengenai Rangka Tindakan Piagam ASEAN, Deklarasi Cebu Mengenai Hak Pekerja-Pekerja Asing dan Deklarasi Cebu Mempercepatkan Komuniti Ekonomi ASEAN Menjelang 2015.

Turut ditandatangani hari ini ialah Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) ASEAN dengan Timor Leste dan Perancis.

- **Mingguan**